

KECERDASAN EMOSI DENGAN ADJUSTMENT (PENYESUAIAN) DALAM KALANGAN PELAJAR ASASI PINTAR, UKM

EMOTIONAL INTELLIGENCE WITH ADJUSTMENT AMONG ASASI PINTAR STUDENTS, UKM

Tengku Elmi Azlina Binti Tengku Muda¹
Rorlinda Binti Yusof²

Pusat Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia

Accepted Date: 29 January 2018

Published Date: 15 April 2018

To Cite This Document: Muda, T. E. A. B. T., & Yusof, R. B. (2018). Kecerdasan Emosi Dengan Adjustment (Penyesuaian) Dalam Kalangan Pelajar Asasi Pintar, UKM. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 1-11.

Abstrak: Kemahiran kecerdasan emosi dan adjustment menjadi faktor kepada pembentukan personaliti dan kecemerlangan pembelajaran pelajar. Oleh yang demikian kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti tahap kecerdasan emosi, tahap adjustment dan hubungan di antara keduanya dalam kalangan pelajar asasi pintar, UKM. Responden kajian adalah dalam kalangan 105 orang pelajar asasi pintar, UKM. Instrumen Emotional Intelligence Questionnaire-Self Assessment yang komponen asalnya adalah dari Goleman (1998), kemudiannya diubahsuai oleh Consortium For Research On Emotional Intelligence oleh Belinda Davies digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi manakala instrument Student Adaptation to College (SACQ) by Baker & Siryk, (1984) digunakan untuk mengukur tahap adjustment pelajar asasi pintar, UKM. Hasil ujian rintis ke atas 30 orang pelajar asasi pintar menunjukkan nilai Cronbach alpha bagi instrumen adjustment adalah 0.882 dan manakala instrumen emotional intelligence 0.969. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap adjustment pelajar asasi pintar keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min (5.39). Tahap kecerdasan emosi pelajar asasi pintar juga secara keseluruhannya berada ditahap yang tinggi dengan nilai min 3.72. Tahap kecerdasan emosi berdasarkan komponen utama menunjukkan skor min berada ditahap yang tinggi bagi komponen Self Awareness (3.75), Self Regulation (3.69), Self Motivation (3.73), Social Awareness (3.87) manakala komponen social skills berada ditahap yang sederhana iaitu (3.64) Tahap kecerdasan emosi berdasarkan sub komponen juga menunjukkan tahap yang tinggi bagi sub komponen iaitu emotional awareness(3.83), Accurate Self Awareness (3.91), Trustworthiness (3.87), Conscientiousness (3.78), Achievement Drive (3.92), Commitment (3.81), Empathy (4.10), Service Orientation (3.91), Developing Others (3.80), Leveraging Diversity (4.10), Communication (3.83), Building Bonds (3.70), Collaboration and Cooperation (3.90) dan Team capabilities (3.77) manakala sub komponen Self Confidence (3.41), Self Control (3.51), Adaptability (3.63), Innovativeness (3.62), Initiative (3.55), Optimism (3.57), Political Awareness (3.48), Influence (3.40), Leadership (3.48), Change Catalyst (3.48), Conflict management (3.55) berada ditahap yang sederhana. Dapatan kajian

juga menunjukkan terdapat hubungan korelasi diantara Kecerdasan emosi dengan adjustment dengan nilai signifikan 0.000 ($P < 0.05$). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara domain utama kecerdasan emosi iaitu Social Skills, Self Motivation, Self Awareness, Self Regulation dan Social Awareness dengan adjustment.

Kata Kunci: Kecerdasan Emosi, Adjustment (Penyesuaian)

Abstract: Emotional intelligence and adjustment skills are factors for the formation of personality and student learning excellence. Therefore, this study focuses on identifying the level of emotional intelligence, level of adjustment and the relationship between emotional intelligence and adjustment ability among ASASIpintar students, Universiti Kebangsaan Malaysia. Respondents of the study were among the 105 ASASIpintar students. The Emotional Intelligence Questionnaire-Self Assessment instrument of the components was originally from Goleman (1998), before modified by Consortium for Research on Emotional Intelligence by Belinda Davies that was used to measure emotional intelligence while Student Adaptation to College (SACQ) by Baker & Siryk, (1984) was used to measure the level of ASASIpintar student's adjustment. Pilot test results on 30 ASASIpintar students showed Cronbach alpha values for adjustment instrument was 0.882 while emotional intelligence instrument was 0.969. The findings of this study showed that the adjustment level of ASASIpintar students is at a high level with mean value (5.39). It also showed that the emotional intelligence level among ASASIpintar students is high with a mean value of 3.72. The level of emotional intelligence based on the main component showed that the mean score is high for Self Awareness (3.75), Self-Regulation (3.69), Self-Motivation (3.73), Social Awareness (3.87) while Social Skill components are moderate (3.64). The level of emotional intelligence based on the sub-components also showed a high level of mean value namely Emotional Awareness (3.83), Accurate Self Awareness (3.91), Trustworthiness (3.87), Conscientiousness (3.78), Achievement Drive (3.92), Commitment (3.81), Empathy (4.10), Service Orientation (3.91), Developing Others (3.80), Leveraging Diversity (4.10), Communication (3.83), Building Bonds (3.70), Collaboration and Cooperation (3.90) (3.41), Self-Control (3.51), Adaptability (3.63), Innovativeness (3.62), Initiative (3.55), Optimism (3.57), Political Awareness (3.48), Influence (3.40) (3.48), Conflict management (3.55) was moderate. The findings also showed that there was a correlation between emotional intelligence and adjustment with a significant value of 0.000 ($P < 0.05$). The findings also show that there are significant relationships between the major domains of emotional intelligence namely Social Skills, Self-Motivation, Self-Awareness, Self-Regulation and Social Awareness with adjustment skills.

Keywords: Emotional Intelligence, Adjustment

Pengenalan

Salovey dan Mayer mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan untuk memantau dan mengatur perasaan sendiri dan orang lain, menggunakan perasaan untuk membimbing fikiran dan tindakan (Goleman, 1995). Kecerdasan emosi menentukan kebolehan pelajar membuat penyesuaian dalam situasi baharu di universiti yang memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan mereka. Kebolehan berdepan dengan cabaran dikaitkan dengan istilah kebolehan membuat penyesuaian (*adjustment*). *Adjustment* merupakan satu proses mengubahsuai tingkahlaku yang bersesuaian selari dengan perubahan dalam persekitaran. Memiliki kecerdasan emosi yang tinggi menjadi satu bonus dalam meraih pelbagai

kecemerlangan dalam kehidupan mereka. Proses penyesuaian terhadap persekitaran akan lebih sukar apabila mereka perlu berdepan dari satu tahap ke satu tahap pembelajaran.

Masalah berkaitan dengan penyesuaian pelajar bukan sahaja terjadi dalam kalangan pelajar-pelajar biasa. Pelajar-pelajar pintar dan berbakat juga tidak ketinggalan daripada berhadapan dengan permasalahan penyesuaian. Tambahan pula, golongan pelajar pintar dan berbakat mempunyai pelbagai ciri yang unik samada dari segi emosi kognitif dan tingkahlaku akhirnya menyebabkan mereka cenderung berdepan dengan pelbagai cabaran persekitaran. Ciri-ciri unik yang ada dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat yang kadangkala sukar difahami oleh ibubapa, pensyarah dan masyarakat yang akhirnya menyebabkan mereka dihimpit dengan masalah emosi tanpa sebarang sokongan pihak tertentu. Cemerlang atau sebaliknya pencapaian mereka dalam pembelajaran dari tahap yang rendah kepada tahap yang lebih tinggi bergantung kepada sejauhmana kreativiti dan kebolehan mereka mengatasi masalah yang timbul, cara membuat keputusan yang bijak dan melaksanakan tindakan yang sepatutnya.

Pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada pelajar-pelajar pintar dan berbakat. Simonton (2005) menyatakan pelajar pintar dan berbakat merupakan pelajar yang mempunyai kemampuan semulajadi yang unik yang lahir secara semulajadi yang dikaitkan dengan genetik. Kemampuan pelajar pintar dan berbakat terdiri daripada pelbagai aspek samada aspek kognitif dan tingkahlaku. Gagne (2015) menyatakan bahawa individu akan dianggap pintar dalam bidang tertentu apabila mereka menyerlahkan kepintarannya dalam sesuatu bidang tersebut. Kepintaran yang lahir secara semulajadi ini perlu digilap agar pelajar tersebut terus menyerlahkan potensi untuk menjadikannya berbakat. Menurut beliau, potensi keseluruhan pelajar pintar dan berbakat akan lebih menyerlah sekiranya memperolehi sokongan daripada persekitaran yang membentuk perkembangan emosi dan sosialnya. Menurut Gagne (1995), halangan daripada persekitaran adakala menyekat pelajar-pelajar ini daripada terus menjadi cemerlang dimana faktornya disebabkan oleh intrapersonal dan persekitaran yang tidak menyokong keperluan pembelajarannya. Jelaslah bahawa, walaupun pelajar pintar dan berbakat mempunyai kemampuan yang luar biasa samada kognitif dan tingkahlaku, golongan ini tidak terlepas dari berdepan dengan pelbagai cabaran samada cabaran diri sendiri, ibubapa, guru dan masyarakat yang memberi kesan kepada proses penyesuaiannya dalam persekitaran pembelajaran. Oleh yang demikian kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti aspek kecerdasan emosi dan bagaimana kecerdasan emosi memberi kesan kepada proses adjustment (penyesuaian) pelajar di universiti. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi akan memberi kesan kepada kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran sekaligus dapat membentuk ciri-ciri kecemerlangan seorang pelajar.

Penyataan Masalah

Kajian lepas menunjukkan bahawa pelbagai aspek yang dihadapi oleh pelajar yang menjadi penghalang kepada proses penyesuaian. Salah satu cabarannya adalah cabaran persekitaran. Cabaran persekitaran yang memberi kesan kepada penyesuaian emosi adalah perubahan situasi kehidupan daripada tinggal di rumah kepada kolej atau universiti boleh memberi kesan kepada pembentukan sendiri dan cenderung bertingkah laku negatif. Kajian lepas menunjukkan proses peralihan yang paling kritikal bagi remaja akhir adalah perubahan daripada zaman kanak-kanak dari rumah ke kolej (Paul & Brier, 2001; Moller, Fouladi, McCarthy & Hatch, 2003; Noriah 2000). Proses peralihan daripada persekitaran yang menjadi kebiasaan kepada tempat yang asing, contohnya daripada tinggal di bandar kecil dan berpindah ke bandar besar, daripada tinggal dengan keluarga yang penuh dengan rasa selamat dan berpindah untuk tinggal bersama dengan orang yang tidak dikenali memberi kesan terhadap emosi dan memberi kesan juga

kepada perubahan personaliti pelajar dimana pelajar akan mula merasa keliru, tertekan, terganggu dan takut (Bojuwoye, 2002; Rice 1992, Noriah 1999, Kenny & Donaldson 1992).

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan salah satu punca pelajar gagal menyempurnakan pengajian mereka adalah disebabkan oleh masalah penyesuaian. Pelajar ini didapati tidak dapat menangani pelbagai cabaran dan tuntutan di kampus sehingga menyebabkan mereka mengalami pelbagai masalah penyesuaian. Kesannya ada di antara mereka gagal meneruskan pengajian ke semester yang seterusnya. Permasalahan utama berkaitan penyesuaian pelajar di universiti merangkumi empat dimensi iaitu: penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian peribadi-emosi, dan dimensi komitmen matlamat/perapatan institusi. Keupayaan menyesuaikan diri di kampus mempunyai hubungan dengan keupayaan psikososial yang dimiliki oleh pelajar.

Antara permasalahan pelajar pintar dan berbakat yang memberi kesan kepada kebolehan penyesuaian adalah masalah sosio emosi iaitu masalah ketegangan emosi (*emotional intensity*), kesempurnaan yang keterlaluan (*perfectionism*), kebimbangan yang tinggi, sensitiviti yang tinggi, keterujaan yang melampau (*overexcitability*), kepekaan terhadap keadilan sosial yang tinggi, kritik diri yang tinggi, kesukaran mengadaptasi ke suasana baharu, dan kurang kemahiran penyesuaian sosial dan berkomunikasi (Abu Yazid & Noriah, 2016; Rosadah, 2003). Masalah sosio emosi lain adalah dari aspek kematangan pertimbangan moral, kesedaran sendiri yang tinggi, sensitiviti yang sangat tinggi terhadap ekspektasi dan perasaan orang lain, introversi, ekspektasi yang tinggi pada diri sendiri dan orang lain, idealism, daya ingin tahu yang tinggi, semangat keadilan, tahap kedalaman dan keamatan emosi yang tinggi. (Clark (1992) dan Silverman (1994). Sekiranya persekitaran tidak menyokong perkembangan emosi positif, boleh menghalang proses perkembangan potensi pelajar pintar dan berbakat ke tahap yang maksimum (Lovecky, 1992; Rosadah, 2003; Abu Yazid dan Aliza, 2009; Aliza dan Hamidah, 2009; Scott, 2012; Verstenyinen, 2014).

Berdasarkan permasalahan dan perbincangan diatas dapatlah disimpulkan bahawa permasalahan sosio emosi dalam kalangan pelajar khususnya pelajar pintar dan berbakat memberi kesan kepada kebolehan penyesuaian. Oleh yang demikian mereka memerlukan kemahiran kecerdasan emosi yang tinggi bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Persoalan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan persoalan berikut:

1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia?
2. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan sub komponen kecerdasan emosi?
3. Apakah tahap *adjustment* dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia?
4. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan *adjustment* dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia?
5. Adakah terdapat hubungan antara komponen utama kecerdasan emosi dengan *adjustment*?

Batasan Kajian

Kajian ini membataskan kepada aspek berikut:

1. Sampel kajian ini terhad kepada pelajar asasi pintar UKM yang terdiri daripada pelajar-pelajar pintar dan berbakat dan mempunyai kecemerlangan akademik yang tinggi.
2. Sampel kajian terdiri daripada pelajar asasi pintar UKM yang berusia antara 17 hingga 18 tahun.

Kajian Lepas

Hetal (2013), telah menjalankan kajian berkaitan kecerdasan emosi dan adjustment dalam kalangan pelajar. Hasil kajian menunjukkan 33.25% pelajar mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana manakala 35.98% mempunyai tahap adjustment yang sederhana. Kajiannya juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina dimana pelajar perempuan mempunyai nilai signifikan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Hasil kajian ini didapati bertentangan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Tengku Elmi Azlina (2017) dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat yang menunjukkan tahap *adjustment* secara keseluruhan bagi pelajar-pelajar pusat permata pintar negara berada ditahap yang tinggi. Tahap adjustment mengikut domain juga berada ditahap yang tinggi iaitu *academic adjustment*, *social adjustment* dan *emotional adjustment*. Ini selari dengan kajian Yazid & Noriah (2014) yang menjalankan kajian terhadap pelajar pintar dan berbakat di Malaysia dari segi social adjustment dan emotional adjustment. Kajian Tengku Elmi Azlina (2017) melalui Ujian korelasi juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara adjustment dan attachment. Ujian korelasi berdasarkan konstruk pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara emotional adjustment dengan ibu, emotional adjustment dengan bapa, academic adjustment dengan ibu, academic adjustment dengan bapa, academic adjustment dengan rakan sebaya dan social adjustment dengan rakan sebaya. Walaubagaimanapun hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara social adjustment dengan ibu dan emotional adjustment dengan rakan sebaya. Hasil kajian pengkaji terdahulu menunjukkan terdapat perbezaan hasil kajian samada berkaitan dengan kecerdasan emosi dan adjustment dimana kajian terhadap golongan pelajar pintar dan berbakat menunjukkan tahap adjustment dan kecerdasan emosi yang tinggi dalam beberapa komponen.

Dhiman Kar, Birbal Saha, Bhim Chandra Mondal (2016), menjalankan kajian untuk mengenalpasti hubungan diantara kecerdasan emosi dan adjustment dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kecerdasan emosi diukur dengan menggunakan Mondal Emotional Intelligence Inventory (MEII) yang mengandungi 100 item manakala Adjustment diukur dengan menggunakan Adjustment Inventory yang telah dibina oleh Paramanik et.al. (2014). Sebanyak 302 sampel secara rawak mudah dipilih daripada daerah Purulia, WB, India. Hasil kajian menunjukkan kecerdasan emosi memberi kesan terhadap penyesuaian (adjustment) di rumah, sekolah dan perhubungan rakan sebaya. Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi mampu mengatasi cabaran dalam kehidupan dan mampu mencapai kejayaan dalam membuat penyesuaian dalam kehidupan. Kegagalan untuk membuat penyesuaian terhadap persekitaran baru memberi kesan kepada simpton psikologikal (Tseng & Newton, 2002; Lin & Yi, 1997; Mori, 2000). Contoh simpton psikologikal adalah merasa rendah diri, keliru, homesickness, loneliness, kebimbangan, rasa terasing, hilang identiti, insomnia, kurang motivasi, tidak mampu fokus dan hilang keyakinan diri. (Sandhu&Asrabadi,1995). Dari segi pencapaian akademik, kajian lepas yang dijalankan terhadap pencapaian akademik pelajar kolej mendapati pelajar yang cemerlang dalam akademik adalah kurang terganggu dengan isu penyesuaian (Noriah 2000, Poyrazli, Arbona, Bullington & Pisecco 2001; Tseng & Newton 2002).Kajian yang dijalankan kepada pelajar kolej juga mendapati sokongan positif daripada ibu bapa dapat membantu pelajar untuk cemerlang dalam bidang akademik. Kajian juga

menunjukkan ibu bapa yang kurang memberikan sokongan positif terhadap anak-anak menyebabkan anak-anak kurang menyerlah dalam bidang akademik (Moss & St Laurent 2001).Kajian Weiss (1982) pula menyatakan rakan sebaya juga mempunyai peranan sokongan untuk membantu perkembangan pelajar semasa di alam persekolahan.

Kajian Suhariska Yuliantini (2017) berkaitan hubungan kecerdasan emosi dengan penyesuaian sosial dalam kalangan siswa SMP PGRI7 Samarinda Seberang, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan penyesuaian sosial. Kajian Rashida Binti Che Ani (2013) dalam kajiannya bertajuk kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar diploma lepasan ijazah (DPLI) university Tun Hussein Onn menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi pelajar berada ditahap yang tinggi (4.24).

Nor hayati, Bani Hidayat, Alias Mat Saad & Ab Halim tamuri (2012) dalam kajiannya bertajuk kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran pelajar terhadap pencapaian kursus Tamadun Islam di Politeknik menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar dan sikap pembelajaran yang tinggi dan mencapai keputusan yang baik dalam kursus Tamadun Islam. Hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran berdasarkan gender. Walaubagaimanapun kajiannya mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan sikap pembelajaran dengan pencapaian kursus Tamadun Islam.

Kajian Dr Neena Sawney (2016), menunjukkan menunjukkan adanya hubungan signifikan antara kecerdasan emosi dengan *adjustment* dalam kalangan pelajar perempuan sekolah menengah. Dhiman Kar, Birbal Saha, Bhim Chandra Mondal (2016), menyatakan penyesuaian positif dapat membantu seseorang untuk mengekalkan impuls asas pada tahap yang boleh diterima, mempercayai kemampuan sendiri untuk mencapai matlamat yang mampu berhadapan dengan cabaran, tekanan dan dapat mengatasinya sekaligus dapat mencapai matlamat mereka. Akhir sekali, kajian daripada Suzyliana Mamat (2016) berkaitan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di kolej universiti Islam Melaka menunjukkan tahap kecerdasan emosi pelajar berada ditahap yang sederhana dan hasil kajian berdasarkan jantina, tempat tinggal serta bangsa juga menunjukkan peratusan yang tinggi dalam tahap yang sederhana.

a)Kerangka Teoritik

Kajian ini berpandukan kepada dua teori. Bagi kecerdasan emosi, kajian ini berpandukan kepada model kecerdasan emosi yang dibina oleh Goleman (1998). Teori kecerdasan emosi Goleman (1998) mempunyai lima komponen utama yang mengukur kecerdasan emosi iaitu:

b)Kesedaran sendiri

Merupakan kemampuan seseorang individu untuk menyedari dan memahami emosi diri dalam apa jua situasi. Oleh yang demikian mereka dapat memilih keutamaan dalam membuat keputusan dan membuat penilaian yang realistik tentang keupayaan diri dan keyakinan diri yang teguh.

c)Kawalan sendiri

Merupakan kemahiran menguruskan emosi seperti marah, takut, sedih dan bimbang yang melampau mengikut cara yang sesuai dan seimbang serta mampu membentuk esteem sendiri. Oleh yang demikian, individu tersebut cepat pulih daripada sebarang tekanan emosi.

d) Motivasi Kendiri

Individu menggunakan kehendak utama hati dalam menggerakkan dan memandu arah seseorang dalam mencapai tujuan dan membantu dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri dan tetap tabah apabila menghadapi masalah dan kekecewaan.

e) Kemahiran Sosial

Individu yang mempunyai kemahiran sosial yang tinggi mampu menjalinkan hubungan atau persahabatan dengan orang lain, mahir berkomunikasi, mampu berunding dan menyelesaikan masalah perhubungan dengan manusia lain.

f) Empati

Individu mempunyai kemahiran empati mampu mengesan perasaan orang lain, memahami sudut pandangan orang lain, menyuburkan kemesraan dan mampu membina keserasian dengan individu dari pelbagai latar belakang.

Kajian berkaitan adjustment berpandukan kepada model Student Adaptation to College (SACQ) by Baker & Stryk, (1984) yang mengukur komponen berkaitan dengan kebolehan pelajar menyesuaikan diri dari aspek akademik, sosial, emosi dan komitmen/keterikatan dengan institusi.

a) Penyesuaian akademik

Ianya merupakan kebolehan pelajar menyesuaikan diri dengan segala komitmen sebagai pelajar samada dari segi tugas, persekitaran pembelajaran dan motivasi untuk mencapai skor akademik yang tinggi.

b) Penyesuaian Sosial

Penyesuaian sosial merupakan kebolehan pelajar membuat perhubungan dalam kehidupan kampus. Penyesuaian sosial yang tinggi menunjukkan pelajar mampu berinteraksi dengan baik sesama rakan, pensyarah, mampu berjauhan dengan keluarga dan mampu menangani segala cabaran dan pengalaman baru di kampus.

c) Penyesuaian emosi

Penyesuaian emosi menunjukkan kebolehan pelajar mengatasi segala cabaran kehidupan tanpa mengalami tekanan dan mampu mengendalikan emosi dengan baik. Dengan kata lain segala permasalahan yang timbul diterima dengan hati yang lapang dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

d) Komitmen/Keterikatan kepada institusi

Ianya bermaksud sejauhmana pelajar mempunyai komitmen dalam mencapai matlamat atau halatuju sepanjang mereka menimba ilmu di institusi pengajiannya. Pelajar yang mempunyai komitmen yang tinggi dapat memahami dengan jelas visi dan misi institusi pembelajarannya dan memahami dengan jelas matlamat kursus pembelajaran yang diikutinya. Mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk capai kecemerlangan akademik demi mengharumkan nama diri dan institusi.

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap kecerdasan emosi, tahap adjustment dan hubungan di antara keduanya dalam kalangan pelajar asasi pintar, UKM. Responden kajian adalah dalam kalangan 105 orang pelajar asasi pintar, UKM. Data

dianalisis menggunakan SPSS version 20.0 dan kaedah persampelan berbentuk persampelan rawak mudah.

Instrumen Kajian

Instrumen Emotional Intelligence Questionnaire-Self Assessment yang komponen asalnya adalah dari Goleman (1998), kemudiannya diubahsuai oleh Consortium For Research On Emotional Intelligence oleh Belinda Davies digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi manakala instrument Student Adaptation to College (SACQ) by Baker & Siryk, (1984) digunakan untuk mengukur tahap adjustment pelajar asasi pintar, UKM. Hasil ujian rintis ke atas 30 orang pelajar asasi pintar menunjukkan nilai Cronbach alpha bagi instrumen adjustment adalah 0.882 dan manakala instrumen emotional intelligence 0.969..Instrumen ini menggunakan skala 9 likert dan mengandungi 67 item yang mengukur adjustment terhadap kolej dari aspek *academic adjustment, social adjustment, personal-emotional adjustment* dan *goal commitment-institutional attachment*.

Dapatan Kajian

1. ***Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia***

Jadual 1: Tahap kecerdasan Emosi Pelajar Asasi Pintar UKM

Variable	Mean	Std. deviation
Kecerdasan Emosi	3.72	.48761

Jadual 1 diatas menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi pelajar asasi pintar secara keseluruhan berada di tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min (3.72). Tahap kecerdasan emosi berdasarkan komponen utama kecerdasan emosi menunjukkan skor min berada ditahap yang tinggi bagi komponen *Self Awareness (3.75), Self Regulation (3.69), Self Motivation (3.73), Social Awareness (3.87)* manakala komponen *social skills* berada ditahap yang sederhana iaitu (3.64)

2. ***Apakah tahap kecerdasan emosi berdasarkan sub komponen kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia.***

Jadual 2: Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Sub Komponen

Variable	Mean	Std Deviation
Emotional Awareness	3.84	.60031
Accurate Self Assessment	3.91	.60346
Self Confidence	3.41	.89153
Self Control	3.51	.78993
Trustworthiness	3.87	.55699
Conscientiousness	3.78	.76492
Adaptibility	3.63	.85649
Innovativeness	3.62	.81977
Achievement Drive	3.93	.62493
Commitment	3.81	.69944
Initiative	3.55	.69976
Optimisme	3.57	.72163
Empathy	4.10	.79032
Service orientation	3.91	.71709
Developing Others	3.81	.71141
Leveraging Diversity	4.10	.87526
Political Awareness	3.48	.71410
Influence	3.40	.81054
Communication	3.83	.66927

Leadership	3.48	.75580
Change Catalyst	3.48	.68738
Conflict Management	3.55	.71982
Building Bonds	3.71	.61965
Collaboration and Cooperation	3.90	.61719
Team Capabilities	3.77	.73716

Jadual 2 diatas menunjukkan tahap kecerdasan emosi berdasarkan komponen menunjukkan komponen *Emotional Awareness, Accurate Self Assessment, Trustworthiness, Conscientiousness, Achievement Drive, Initiative, Optimisme, Empathy, Service orientation, Developing Others, Leveraging Diversity, Communication, Building Bonds, Collaboration and Cooperation, Team Capabilities* menunjukkan tahap yang tinggi iaitu melebihi nilai min 3.67. Menurut Jamil Ahmad (1993) nilai min 3.67 ke atas adalah ditahap yang tinggi. Komponen kecerdasan emosi yang berada ditahap yang sederhana adalah *Self Confidence, Self Control, Adaptibility, Innovativeness, Commitment, Political Awareness, Influence Building Bonds, Collaboration and Cooperation dan Team Capabilities*. Menurut Jamil Ahmad (1993) nilai min 2.34 hingga 3.66 adalah berada ditahap sederhana.

3. *Apakah tahap adjustment (penyesuaian) dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia*

Jadual 3: Tahap Adjustment pelajar asasi pintar, UKM

Variable	Mean	Std Deviation
Adjustment	5.39	.73792

Jadual 3 diatas menunjukkan bahawa tahap adjustment dalam kalangan pelajar asasi pintar UKM berada ditahap yang tinggi dengan nilai min 5.39.

4. *Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan adjustment dalam kalangan pelajar asasi pintar Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Jadual 4: Hubungan di antara kecerdasan emosi dan adjustment

Pembolehubah	Adjustment
Kecerdasan emosi	
Nilai Korelasi (r)	.357
Aras Signifikan (p)	.000
N	105

**Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 4 diatas menunjukkan hubungan di antara kecerdasan emosi dan adjustment dalam kalangan pelajar asasi pintar UKM. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan adjustment dalam kalangan pelajar asasi pintar UKM dengan nilai signifikan 0.000 ($p < 0.05$).

5. *Adakah terdapat hubungan antara komponen utama kecerdasan emosi dengan adjustment*

Jadual 5: Hubungan antara komponen utama kecerdasan emosi dengan adjustment

<u>Pembolehubah Kecerdasan Emosi</u>	<u>Nilai Korelasi(r)</u>	<u>Nilai signifikan (p)</u>
Self Awareness	.418	.000
Self Regulation	.357	.000
Self Motivation	.339	.000
Social Awareness	.212	.030
Social Skills	.316	.001

**Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara komponen utama kecerdasan emosi dengan adjustment. Hasil Kajian menunjukkan semua komponen utama kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan adjustment iaitu Self Awareness dengan adjustment dengan nilai signifikan 0.000 ($p < 0.05$), Self Regulation dengan adjustment nilai signifikan 0.000 ($p < 0.05$), Self Motivation dengan adjustment nilai signifikan 0.000 ($p < 0.05$), Social Awareness dengan adjustment nilai signifikan .030 ($p < 0.05$) dan social skills dengan adjustment nilai signifikan .001 ($p < 0.05$).

Perbincangan Dan Rumusan

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap adjustment pelajar asasi pintar keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min (5.39). Hasil kajian didapati selari dengan hasil kajian Tengku Elmi Azlina (2017) dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat Kolej Permata Pintar Negara. Walaubagaimanapun hasil kajian didapati bertentangan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Hetal(2013) yang mana hasil kajiannya menunjukkan 35.98% pelajar tahap adjustment berada ditahap yang sederhana.

Tahap kecerdasan emosi pelajar asasi pintar juga secara keseluruhannya berada ditahap yang tinggi dengan nilai min 3.72 dan hasil kajian ini bertentangan dengan hasil kajian Hetal (2013), Suzyliana Mamat (2016). Tahap kecerdasan emosi pelajar asasi pintar didapati selari dengan hasil kajian Nor hayati, Bani Hidayat, Alias Mat Saad & Ab Halim tamuri (2012), Rashida Binti Che Ani (2013).

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan korelasi diantara Kecerdasan emosi dengan adjustment dengan nilai signifikan 0.000 ($P < 0.05$). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara domain utama kecerdasan emosi iaitu Social Skills, Self Motivation, Self Awareness, Self Regulation dan Social Awareness dengan adjustment. Berdasarkan hasil kajian tersebut ianya didapati selari dengan hasil kajian Dr Neena Sawney (2016), Suhariska Yuliantini (2017) dan Dhiman Kar, Birbal Saha, Bhim Chandra Mondal (2016),

Secara keseluruhan hasil kajian berkaitan dengan kecerdasan emosi dan adjustment dalam kalangan pelajar asasi pintar membuktikan bahawa kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan adjustment. Hasil kajian berkaitan dengan komponen utama dan subkomponen membuktikan bahawa kebanyakan pelajar asasi pintar memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi sekaligus membantu mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di pusat permata pintar. Sokongan persekitaran samada daripada ibubapa, pensyarah dan rakan-rakan banyak membantu meningkatkan kecerdasan emosi pelajar

asasi pintar sekaligus dapat membuat penyesuaian sepanjang menjalani pembelajaran di kolej. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi membantu meningkatkan proses penyesuaian sekaligus memberi kesan kecemerlangan dalam pembelajaran.

Rujukan

- Dhiman Kar, Birbal Saha, Bhim Chandra Mondal, (2016), Emotional Intelligence and Adjustment Ability Among Higher Secondary School Students: A Correlational Study. *American Journal of Social Sciences*. Vol. 4, No. 4, pg. 34-37.
- Goleman, Daniel (1998). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Book
- Hetal T. Petal, (2013), A Study of Emotional Intelligence and adjustment of 9th standard students, *International Research in Education*, Vol 2, Issue 6
- Neena Sawhney, Harpeet Kaur, (2016), Study of Emotional Intelligence in Relation to Adjustment of Secondary School Students, *Indian Journal Education of Studies: An Interdisciplinary Journal*, Vol 1, No 3,
- Nor Hayati, Bani Hidayat, Alias & Ab Halim Tamuri (2012). Kecerdasan Emosi dan Sikap Pembelajaran Pelajar Terhadap Pencapaian Kursus Tamadun Islam Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. *Journal of Islamis And Arabic Education*, 4 (2),2012 25-34
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Jamaliah Hamdan, Afifah Mohd Radzi & Tengku Elmi Azlina (2017). Kajian Isu-Isu Sosio Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat Di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Shahida Hassim, Manisah Mohd Ali& Norshidah Salleh (t.th) *Tahap Kemahiran Intrapersonal Dalam kalangan Pelajar Tingkatan Enam: Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- Suzyliaana Mamat (2016). Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Remaja Di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial*. Jilid 1 2016115-136
- Suhariska Yuliantini (2017). Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Penyesuaian Sosial Dengan Kenakalan Remaja Pada Siswa SMP PGRI 7 Samarinda Seberang. *Psikoborneo*, 2017,5(2): 386-399
- Tengku Elmi Azlina Binti Tengku Muda (2017). Adjustment dan attachment dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Malaysia. *Kertas prosiding Islamic Seminar on Tarbiyah (Isot 2017): Bukit Tinggi, Indonesia*